

Penyampai : TAN SRI DATO SERI AHMAD SARJI BIN ABDUL HAMID
Tajuk : MESYUARAT Pengerusi-Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan
DAERAH
Lokasi : PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 15-12-1995

1. Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan rahmat dan izinNya Mesyuarat Pengerusi-pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah Seluruh Malaysia dapat diadakan buat kali pertamanya sejak Jawatankuasa tersebut ditubuhkan di bawah Arahan No. 1 Tahun 1991. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri Malaysia kerana sudi meluangkan masa untuk menyampaikan ucapan bagi merasmikan mesyuarat pagi ini, yang akan diikuti dengan majlis dialog dengan para peserta mesyuarat. Kehadiran Yang Amat Berhormat dalam majlis ini membawa erti yang besar dalam menentukan pencapaian tujuan mesyuarat ini.

2. Mesyuarat ini diadakan atas inisiatif Unit Penyelarasan Pelaksanaan sebagai urusetia Majlis Pembangunan Negara, bertujuan untuk meningkatkan lagi keberkesanan jentera penyelarasan pelaksanaan pembangunan nasional di bawah Arahan No. 1 Tahun 1991 melalui pengukuhan peranan Jawatankuasa Pembangunan Daerah yang bertindak sebagai jentera penyelarasan program pembangunan di peringkat daerah.

3. Dalam mesyuarat ini, peserta-peserta akan membincangkan kertas-kertas mengenai "Peranan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah", "Isu-isu Pembangunan Di Kawasan Tanah Tinggi", "Isu-isu Pembangunan Yang Mengakibatkan Masalah Hakisan Pantai" dan "Penyelarasan Dan Pelaksanaan Projek- projek Pembangunan di Peringkat Daerah". Mesyuarat ini melibatkan lebih daripada 180 orang peserta. Sungguhpun sebahagian besar daripada peserta terdiri daripada Pegawai-pegawai Daerah sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, ia juga dihadiri oleh Pengarah Pembangunan/Pegawai Kemajuan Negeri, Pegawai-pegawai Kanan dari Unit-unit Perancang Negeri (UPEN) dan pegawai-pegawai kanan dari agensi- agensi pusat dan beberapa buah Kementerian/Jabatan yang berkaitan. Dengan hampirnya kita kepada tahun 1996, iaitu titik permulaan bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Ketujuh, perhimpunan ini adalah tepat pada masanya. Perbincangan-perbincangan yang akan berlangsung mulai hari ini dan esok memberi peluang kepada semua peserta menilai prestasi dan masalah yang dihadapi sepanjang tempoh pelaksanaan Rancangan Malaysia Keenam bagi merumuskan langkah- langkah atau persediaan-persediaan yang sesuai untuk menjayakan Rancangan Malaysia Ketujuh.

Keupayaan Kerjaan untuk menghadapi RM7 dan seterusnya wawasan negara bergantung kepada kecekapan dan keberkesanan pengurusan dan pentadbiran di semua peringkat. Pelbagai usaha telah diperkenalkan bagi mempertingkatkan lagi keupayaan pentadbiran ini. Usaha-usaha ini yang meliputi semua aspek pengurusan melibatkan semua kementerian, jabatan dan agensi-agensi kerajaan di peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan telah diarah supaya mempertingkatkan kualiti perkhidmatan masing-masing sebagai persediaan untuk menyediakan sokongan padu bagi menentukan setiap dasar dan program kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna. Dalam melaksanakan usaha peningkatan kualiti perkhidmatan ini, institusi Pejabat Daerah telah dijadikan fokus utama bagi menerajui usaha-usaha pembaharuan dalam perkhidmatan awam diperingkat akar umbi. Di dalam menentukan program-program pembaharuan difahami, dihayati dan seterusnya dilaksanakan dengan berkesan di peringkat daerah, langkah-langkah berikut telah dijalankan: (i) menyediakan garis panduan yang jelas bagi setiap program pembaharuan yang perlu dilaksanakan. Panduan-panduan ini menghuraikan konsep dan rasional setiap usaha pembaharuan, cara- cara pelaksanaan serta lengkap dengan contoh-contoh yang berkaitan; (ii) menyediakan peluang yang berterusan kepada pegawai dan staf di pentadbiran daerah terutamanya bagi menjelaskan lagi kandungan panduan-panduan yang telah dikeluarkan oleh Kerajaan. Penekanan juga diberi kepada penerapan nilai-nilai murni dan etika kerja dalam pentadbiran; (iii) mengadakan Mesyuarat kerja tahunan bagi pegawai-pegawai daerah. Tujuan utama Mesyuarat Kerja ini ialah untuk memberi peluang kepada pegawai- pegawai daerah mendapat penjelasan mengenai program- program pembaharuan serta membincangkan beberapa aspek penting pentadbiran termasuk hal-hal mengenai disiplin, akauntabiliti

dan pencegahan rasuah; (iv) mengadakan sistem pengiktirafan kepada pejabat- pejabat daerah yang cemerlang melalui Anugerah Kualiti Pejabat Daerah; dan (v) mengadakan lawatan ke pejabat-pejabat di peringkat daerah untuk mengesan pelaksanaan program-program pembaharuan di samping menyampaikan maklumat serta panduan agar usaha-usaha tersebut dapat dipertingkatkan.

4. Kehadiran Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dalam majlis ini adalah sebagai bukti yang jelas tentang kesungguhan dan komitmen Kerajaan dalam memastikan keberkesanan jentera pelaksanaan pembangunan negara di peringkat akar umbi. Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pembangunan Negara, saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua para peserta mesyuarat ini untuk sama-sama berusaha menyokong hasrat Kerajaan untuk menyampaikan faedah pembangunan negara kepada semua rakyat terutamanya kepada mereka yang masih lagi ketinggalan di luarbandar. Saya juga berharap dengan sokongan dan bimbingan daripada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kita akan dapat memulakan satu dimensi baru dalam usaha kita menjayakan program-program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh.

5. Akhirnya saya sekali lagi mengucapkan setinggi- tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri kerana telah sudi melapangkan masa untuk hadir bersama kita di majlis pada pagi ini. Saya juga mengambil kesempatan ini bagi merakamkan berbilang- banyak terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan mesyuarat ini.

6. Dengan itu saya dengan segala hormat dan sukacitanya menjemput Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri untuk memberi ucapan bagi merasmikan Mesyuarat Pengerusi- pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Daerah, dan seterusnya membuka majlis ini untuk memberi peluang kepada ahli-ahli mesyuarat berdialog dengan Yang amat Berhormat Dato' Seri.